

Bandar Sierra, 11 Jun – Sempena menyambut Hari Buku Sedunia yang disambut pada 24 April setiap tahun, Pusat sumber SRI Al-Hafidz dengan kerjasama Perpustakaan bergerak Penampang



telah menyambut hari berkenaan pada 23 Mei lalu.

Menurut Pembantu GPM, Ustazah Siti Nizam, program sepagi bersama perpustakaan bergerak memberi pengalaman baru kepada pelajar SRI Al-Hafidz sekaligus menimbulkan minat mereka terhadap aktiviti membaca.

" Kami fokus kepada, ingin menimbulkan minat pelajar terhadap membaca kerana tanpa minat dalam diri setiap pelajar tentunya mereka suka untuk mengamalkan budaya membaca". katanya.

Ujar beliau, kami berharap pelajar tidak melepaskan peluang untuk menambah ilmu, melalui budaya membaca yang disemat dalam diri mereka.

Sebelum pelajar menggunakan perkhidmatan bas bergerak secara bergilir-gilir, mereka telah diberi taklimat oleh GPM mengenai kaedah proses peminjaman buku, aktiviti NILAM, dan tayangan bermotifkan budaya membaca.

Untuk melihat gambar sepanjang program sila klik [di sini](#).

Marilah kita menambahkan akaun akhirat dengan memberi sumbangan bagi menjayakan dan mempertingkatkan SRI Al-Hafidz. Sebarang sumbangan untuk SRI Al-Hafidz boleh dihulur ke akaun atas nama sekolah agama rakyat Al-Hafidz melalui:

i)Bank Islam No Akaun 100 160 100 782 10

ii)Maybank Islamik No Akaun 560 214 005 477

iii)Bank Muamalat No Akaun 1001-0002266-71-8

{flike}{fcomment}